UUM/~~AA~~49/HM/10.09.2005/P: 19(4)

UUM ajak kaki pancing ke Sintok 24 September

HM 10/9/05 19:4

Oleh SHAHREN YUSRI

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) akan mengadakan Karnival Kaki Pancing anjuran bersama Utusan Malaysia pada 24 September ini bersempena Ekspo Konvokesyen universiti itu.

Seramai 1,000 orang dijangka menyertai karnival tersebut yang berlangsung di Tasik Rekreasi UUM, Sintok, Kedah dari pukul 8 pagi hingga 1 tengah hari.

Pengarah Teknikal Karnival, Ku Azmi Ku Ibrahim memberitahu, setiap peserta hanya dikenakan RM30 (satu joran) untuk menyertai pertandingan yang dibuka kepada pemancing berumur 12 tahun ke atas.

Pelbagai hadiah lumayan disediakan untuk pemenang dengan juara, naib juara serta pemenang ketiga masing-masing akan menerima wang tunai sebanyak RM3,000, RM2,000 dan RM1,000 termasuk produk daripada penaja.

"Pemenang di tempat ke empat hingga ke-13 juga akan menerima RM200 termasuk produk penaja, manakala peserta yang menduduki tempat ke-14 hingga ke-20 menerima hadiah berbentuk produk daripada pihak penaja," katanya.

Penentuan pemenang, katanya, dibuat berdasarkan timbangan seekor ikan terberat yang dinaikkan peserta menggunakan joran berpelekat karnival.

Peserta tidak dibenar menggunakan umpan tiruan, mata tiga, mata bom, tiga mata berangkai, koyan dan pelampung.

Menurutnya, pihak penganjur juga akan mengambil kira dari segi faktor ikan yang dipancing mesti segar dan hidup untuk diserahkan kepada marsyal bertugas.

Sementara itu, beliau memberitahu untuk memeriahkan lagi karnival ini, pelbagai acara sampingan seperti Pertandingan Futsal Kosmo, persembahan artis, gerai jualan dan juga Pertandingan Mewarna Kanak-kanak diadakan.

Orang ramai yang berminat boleh mendapatkan borang penyertaan serta keterangan lanjut di Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM atau menghubungi pejabat di talian 04-9283117 dan Ku Azmi 013-4394154.